

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN DEEPAVALI LEBIH CERIA BERSAMA SWM KASIH SUKARELAWAN

TANGKAK, 9 NOVEMBER 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) terus melunaskan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SWM Kasih di lima (5) buah taman di sekitar daerah Tangkak, Johor bersempena dengan sambutan perayaan Deepavali yang bakal disambut tidak lama lagi.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, “Penganjuran program SWM Kasih Ceria Deepavali ini yang telah mendapat kerjasama daripada Persatuan Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat Tangkak, untuk membantu meringankan beban 20 buah keluarga yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), dan mereka yang menghidap penyakit kronik, dalam membuat persiapan menyambut perayaan Deepavali yang bakal menjelang tiba.”

Tambah beliau, pihak SWM Environment juga turut bekerjasama dengan Persatuan Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat Tangkak dalam menghias sebuah rumah pasangan OKU dengan seni Rangoli, yang merupakan seni berbentuk pola gambar yang dicipta di lantai atau halaman rumah menggunakan beras, tepung, atau pasir berwarna. Ini bertujuan untuk memeriahkan dan memperindah suasana rumah serta memberikan pengalaman yang lebih mendalam dalam merayakan sambutan Deepavali kepada keluarga pasangan OKU tersebut.

Semasa sesi lawatan tersebut, pihak SWM Environment turut mengingatkan penduduk tentang kepentingan memulakan pengasingan sisa pepejal di rumah, seperti kertas, plastik, kaca, dan bahan buangan lain daripada sisa organik. Ini merupakan langkah awal penting dalam usaha pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien, mengurangkan pencemaran alam sekitar, serta menjaga kebersihan dan kesihatan kawasan kediaman. SWM Environment juga memberikan nasihat dan panduan mengenai cara yang betul untuk melakukan pengasingan sisa pepejal dan menggalakkan penduduk untuk turut serta menjaga alam sekitar tempatan. Kesedaran ini diharapkan akan meningkatkan amalan pengurusan sisa pepejal dalam komuniti tersebut.

Turut hadir adalah YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan, dan Budaya Negeri Johor, serta Tuan YM Ungku Mohd Zaffrin Bin Ungku Mohd Zaman, Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak, bersama beberapa orang sukarelawan dari Persatuan Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat Tangkak, bagi melawat keluarga yang kurang berkemampuan sambil menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula, kuih tradisional kaum India seperti muruku, dan manisan.

Encik S. Chelvarajan, Pengerusi Persatuan Kebudayaan dan Rekreasi Kaum India Tangkak, serta Puan Kamala Nathan Aiyathurai, Pengerusi Persatuan Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat Tangkak, turut menyertai hadir dalam penyampaian sumbangan ini.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITAREcycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITAREcycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITAREcycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**SWM ENVIRONMENT JOHOR UTARA
MUHAMAD BAKHTIAR BIN AZNI**

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan
SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Utara)

Tel : 07 – 455 6166 / 016 –424 0503

E-mel: bakhtiar.azni@swmsb.com